

# RITUAL DALAM CERITA RAKYAT DI MUKIM BEBAR, PEKAN, PAHANG, MALAYSIA

NOORZATULHIDAYAH BINTI MOHD HANIPAH \*

DAENG HALIZA DAENG JAMAL \*\*

NASIRIN ABDILLAH \*\*\*

noorzatulhidayah29@gmail.com \*, haliza.j@umk.edu.my \*\*, nasirin@umk.edu.my \*\*\*

## Abstrak

Cerita rakyat berkembang dari generasi ke generasi dan disampaikan melalui lisan sehingga cerita rakyat dikenali sebagai sastera rakyat naratif nusantara. Cerita rakyat dianggap sebagai media hiburan pada zaman dahulu yang sarat dengan nilai-nilai pengajaran. Namun begitu, jika cerita rakyat difahami dan diteliti ia mempunyai hubung kait antara kehidupan masyarakat dengan kebudayaan masyarakatnya seperti kepercayaan, sistem kekeluargaan dan ekonomi. Namun, kini cerita rakyat semakin kurang mendapat tempat di hati generasi kerana kewujudan teknologi moden. Lantaran itu, kajian ini bertujuan mengenalpasti dan membincangkan ritual yang terkandung dalam cerita rakyat di Mukim Bebar Pekan, Pahang. Seterusnya, kajian ini juga menggunakan landasan teori fungsionalisme bagi analisis perbincangan. Metodologi kajian adalah secara kualitatif melalui kajian kerja lapangan iaitu kaedah temu bual berstruktur yang melibatkan tukang-tukang cerita di Mukim Bebar Pekan, Pahang. Hasil kajian mendapati ritual yang terdapat dalam cerita rakyat di Mukim Bebar Pekan, Pahang mempunyai hubung kait yang rapat dengan kebudayaan masyarakat Melayu dan masih diaplikasikan dalam kehidupan sesetengah masyarakat di kampung tersebut hingga ke hari ini.

**Kata Kunci:** Cerita Rakyat, Ritual, Teori Fungsionalisme dan Kebudayaan Melayu, Fungsionalisme

Dihantar: 28 April 2020

Disemak: 07 Oktober 2020

Diterbit: 31 Mac 2021

\* Pelajar Sarjana di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia

\*\* Pensyarah di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia

\*\*\* Pensyarah Kanan di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia



# THE RITUALS IN FOLKLORE IN MUKIM BEBAR PEKAN, PAHANG, MALAYSIA

NOORZATULHIDAYAH BINTI MOHD HANIPAH \*

DAENG HALIZA DAENG JAMAL \*\*

NASIRIN ABDILLAH \*\*\*

noorzatulhidayah29@gmail.com \*, haliza.j@umk.edu.my \*\*, nasirin@umk.edu.my \*\*\*

## **Abstract**

*Folklore grows from generation to generation and is conveyed orally until it is known as folk narrative literature of the archipelago. Folklore was known as an entertainment medium in ancient times laden with teaching values. Folklore has a relation between the life of the community and the culture of the community, projected through beliefs, family system and economy. However, folktales are now less appreciated as among the younger generation, mostly due to the modern technology advancement. This study aims at identifying and discussing the rituals contained in the folklore collected at Mukim Bebar Pekan, Pahang. This study also uses the theoretical foundation of functionalism in the discussions and analyses. The research methods employed are qualitative and a fieldwork involving a structured interview method of the storytellers in Mukim Bebar Pekan, Pahang. It can be concluded that there is a close relation between the community and its culture where some rituals are still being practiced in the lives of some people in the village, even up to now.*

**Keywords:** Folklore, Functionalism, Malay Culture, Ritual Theory

---

Submitted: 28 April 2020

Revised: 07 October 2020

Published: 31 March 2021

\* Postgraduate student at Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia

\*\* Lecturer at Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia

\*\*\* Senior Lecturer Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia



## 1.0 Pengenalan

Cerita rakyat merupakan sastera lisan yang disampaikan secara langsung dari mulut ke mulut dan seterusnya berkembang dari satu generasi ke satu generasi melalui lisan. Masyarakat dahulu menggunakan kreativiti tersendiri dalam menyampaikan nasihat seperti melalui cerita rakyat, puisi, syair, gurindam, seloka, pantun dan sebagainya. Masyarakat kini mengetahui bahawa cerita rakyat sarat dengan dengan nilai pengajaran dan menjadi media hiburan pada masa dahulu dan berkembang sehingga ke hari ini dengan kepelbagaiannya variasi cerita rakyat seperti cerita jenaka, cerita teladan, cerita binatang dan pelbagai lagi yang berhubung kait dengan kehidupan dan budaya masyarakat Melayu dahulu. Menurut Hadijah Rahmat (2006) cerita rakyat mempunyai pelbagai jenis yang berunsur dongeng, jenaka, hikayat dan legenda. Cerita rakyat juga wujud daripada imaginasi masyarakat dahulu kala dan berhubung kait dengan kehidupan masyarakat di kampung. Dapat dilihat bahawa masyarakat dahulu membentuk ketamadunan mereka daripada jalan cerita rakyat Melayu yang menjelaskan bahawa kepercayaan masyarakat dahulu menjadi amalan turun temurun sehingga ke hari ini Zuber (2017). Rentetan daripada itu, kebudayaan itu sendiri digambarkan dalam cerita-cerita rakyat. Hubung kait yang rapat dengan kehidupan masyarakat dapat dilihat daripada sistem kekeluargaan dan ekonomi yang menjelaskan budaya sebelum berkahwin sehingga kelahiran. Manakala dalam sistem ekonomi pula masyarakat sentiasa mempercayai setiap tahun, mereka perlu mengadakan *tradisi membersih kampung* bagi mengelakkan kampung ditimpa malapetaka.

Sehubungan itu, hubung kait budaya dengan masyarakat dapat dilihat dari sudut kepercayaan yang menjadi amalan turun temurun dan diyakini sehingga kini. Menurut Zainal (1996) ritual dikenali sebagai pantang larang yang menjadi kepercayaan masyarakat sehingga sekarang. Ritual juga dikenali sebagai aktiviti berubat yang melibatkan pemujaan terhadap roh nenek moyang terdahulu dengan menunjukkan beberapa aksi sebagai simbolik dalam sesi pemujaan yang berlangsung. Oleh itu, persembahan yang dilaksanakan dikenali sebagai medium untuk komunikasi bersama-sama roh bagi mencapai matlamat sesebuah ritual (Mohamad Luthfi, 2011). Kepercayaan dijadikan satu undang-undang bagi mengawal juga menyelaras sesebuah kelompok masyarakat untuk mempercayai ritual yang dilaksanakan bagi memberi pelindungan kepada mereka daripada bencana dan malapetaka. Unsur kepercayaan yang cerita rakyat Melayu ialah gambaran terhadap kreativiti pemikiran masyarakat dahulu dalam mendapatkan keselarasan anutan bersama di sesebuah kampung.

Bagi masyarakat dahulu mempercayai bahawa setiap amalan tradisi atau ritual yang mereka lakukan adalah untuk melindungi diri daripada musibah dan penyakit. Oleh itu, hubung kait antara kehidupan masyarakat dengan budaya dapat dilihat daripada pemikiran masyarakat itu sendiri dalam membina ketamadunan sebelum mengenali permodenan. Kehebatan pemikiran masyarakat dahulu dalam cerita rakyat menggambarkan bahawa dengan adanya ritual yang dilakukan dapat melindungi kampung-kampung agar terhindar daripada malapetaka. Oleh itu, tradisi dan ritual merupakan warisan turun temurun yang disimpan rapi dalam cerita rakyat milik masyarakat terdahulu. Apabila diteroka dengan lebih dalam lagi terdapat banyak manfaat yang terkandung dalam pemikiran masyarakat Melayu dahulu dalam membina aturan kehidupan mereka. Cerita rakyat yang merekodkan kehebatan pemikiran masyarakat dahulu merupakan satu khazanah ilmu yang tinggi nilainya.



## **2.0 Permasalahan kajian**

Cerita rakyat merupakan salah satu bentuk kebudayaan yang mengandungi nilai dan norma hidup masyarakat. Cerita rakyat juga mempunyai intipati yang berharga apabila penelitian dilaksanakan seperti pemikiran, unsur budaya, sejarah, nilai moral dan pelbagai lagi. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertitik-tolak daripada mengisi kelomongan pengkaji-pengkaji lepas terhadap kajian cerita rakyat. Kepelbagaiannya perspektif kajian yang menekankan unsur kesinambungan warisan budaya dalam cerita rakyat seperti kajian oleh Siti Zuhaidah & Nik Rafidah (2016) mendapat bahawa keberkesanannya cerita rakyat kepada kanak-kanak mampu membantu mereka dalam mengenal kebaikan dan keburukan serta boleh dijadikan nilai moral dalam pembentukan perilaku kanak-kanak masa kini. Manakala menurut Siti Nor Balkish (2000) dan Azura (2000) menyimpulkan bahawa cerita rakyat yang perlu diaplikasikan dalam sistem pendidikan kerana cerita rakyat penting dalam membentuk perilaku generasi kini dalam meneruskan kehidupan. Ini jelas menunjukkan bahawa cerita rakyat Melayu yang diperolehi sarat dengan nilai-nilai moral yang mampu membantu generasi kini membentuk moral positif dalam kalangan masyarakat.

Seterusnya, kajian oleh Muhammad Safuan, Roslina dan Nik Rafidah (2018) yang menyanggah pendapat masyarakat kini bahawa cerita rakyat merupakan sekadar hiburan semata-mata dan juga merupakan bahan jenaka serta lucu intipatinya. Muhammad Safuan et. al dalam kajian mereka telah mengkaji aspek watak dan perwatakan yang terkandung dalam cerita rakyat yang membuktikan bahawa watak-watak dalam cerita rakyat Melayu mempunyai perwatakan yang positif seperti kejujuran, rajin, berdikari dan pelbagai lagi nilai moral yang positif yang terkandung menerusi watak-watak dalam cerita rakyat Melayu.

Kenyataan-kenyataan di atas mendorong kajian ini untuk membuat penelitian tentang cerita-cerita rakyat di Mukim Bebar Pekan, Pahang. Pengkaji membincangkan unsur-unsur ritual dalam cerita-cerita rakyat yang diperolehi di Mukim Bebar Pekan, Pahang. Kajian mengenai cerita rakyat ini mengisi kelomongan bagi meneruskan kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lepas. Walaupun ada pengkaji sebelum ini yang mengkaji unsur kepercayaan iaitu seperti Abdul Halim (1992), namun penelitiannya hanya berfokus kepada aspek sosial bagi menjawab persoalan kajian dan mengukuhkan lagi kajian beliau dengan mengenalpasti elemen-elemen sosiologi yang diaplikasikan dalam kajian cerita rakyat yang diperolehi dalam cerita rakyat kaum Bajau Semporna, Sabah. Namun begitu, kajian ini memfokuskan kepada ritual dalam cerita rakyat yang mana budaya yang ada dalam cerita rakyat membantu dalam perkembangan ketamadunan unggul dalam masyarakat Melayu yang wajar diangkat demi memastikan ketamadunan orang Melayu terpelihara.

## **3.0 Metodologi Kajian**

Metodologi kajian adalah secara kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan kerja lapangan. Kaedah lapangan menggunakan temu bual berstruktur yang melibatkan tukang-tukang cerita di Mukim Bebar, Pekan Pahang. Kajian telah berjaya mengumpul beberapa buah cerita rakyat yang di Mukim Bebar, Pekan, Pahang. Penglipur lara yang dipilih iaitu Zahari Abdul Razak berumur 69 tahun merupakan orang asal kampung Merchong dan juga cucu kepada Tok Haji Mat Lela yang merupakan orang pertama



yang membuka kampung Merchong di Mukim Bebar Pekan, Pahang. Zahari Abdul Razak merupakan sumber penting untuk mendapatkan cerita rakyat di Mukim Bebar Pekan, Pahang. Temu bual telah dijalankan pada 19 Disember 2019 yang telah dirakam menggunakan perakam kamera telefon secara video bergambar dan video suara serta catatan secara bertulis oleh pengkaji.

Seterusnya, kaedah kepustakaan pula digunakan sebagai kaedah yang penting dalam membantu mengukuhkan lagi kajian. Pengkaji telah menggunakan buku, jurnal, tesis dan keratin-keratan akhbar sebagai alat utama dalam kajian. Oleh itu, kajian awalan dilaksanakan pengkaji bagi memastikan tujuan pengkaji dalam mendapatkan maklumat yang tepat dan tidak membazir masa serta kos untuk ketepatan pengkaji melaksanakan pengumpulan data serta tidak menyalahi etika sebelum mendapatkan maklumat agar informan tidak terganggu dengan soalan-soalan pengkaji ketika sesi temu bual dilakukan. Justeru itu, hasil pemerhatian dan tinjauan awal mendapati, terdapat tiga buah cerita rakyat yang berunsur ritual dan selanjutkan perkara ini akan dibincangkan kemudian dalam artikel ini.

#### **4.0 Sorotan Kajian Lepas**

Setakat ini, masih belum ditemui kajian yang mengumpul cerita-cerita rakyat di Mukim Bebar Pekan, Pahang. Namun begitu, beberapa kajian akademik berkaitan cerita rakyat di Malaysia telah dianalisis dari pelbagai pendekatan dan teori. Pengkaji-pengkaji lepas telah mengeluarkan pelbagai unsur yang terkandung dalam cerita rakyat yang mampu dijadikan rujukan oleh penyelidik dalam mengisi kelomongan cerita-cerita rakyat yang sedia ada. Kajian oleh Siti Zuhaidah & Nik (2016) menjelaskan bahawa wujudnya unsur budaya Melayu yang terkandung dalam cerita rakyat kanak-kanak. Kajian ini juga memberi penekanan bahawa cerita rakyat mampu membantu pembinaan kecerdasan pemikiran kanak-kanak untuk berhadapan dengan permasalahan dalam kehidupan mereka. Ini membuktikan bahawa cerita-cerita rakyat mampu menajamkan pemikiran mereka dalam menilai keburukan dan kebaikan dalam memilih jalan hidup. Antara keberkesanannya, cerita rakyat ini juga membantu kanak-kanak dalam pembentukan personaliti kepada paparan sikap dan perilaku seseorang itu.

Seterusnya, Siti Nor Balkish (2000) menyentuh kepentingan tradisi lisan yang berbentuk dongeng dalam generasi masa kini. Kajian tersebut memfokuskan aspek budaya Melayu yang terdapat dalam cerita rakyat yang mengandungi unsur dongeng terhadap penerimaan kanak-kanak. Pengkaji menjelaskan bahawa cerita rakyat yang berunsur dongeng ini menerangkan beberapa nilai kejujuran, nilai tolong-menolong, nilai kerjasama dan kasih sayang yang mampu membantu pertumbuhan pembesaran kanak-kanak. Cerita rakyat yang berunsur dongeng ini sesuai dengan perilaku dan pemikiran kanak-kanak yang mampu membawa kesan positif terhadap generasi sekarang yang mana mereka menerima baik tradisi lisan sebagai ilmu dalam pendidikan mereka. Kajian seterusnya, dilakukan oleh Azura (2000) yang turut mengetengahkan cerita rakyat binatang kepada kanak-kanak adalah sangat penting. Unsur budaya Melayu dijadikan fokus utama yang menggambarkan nilai moral yang mampu membentuk perilaku kanak-kanak dalam analisis cerita rakyat binatang.

Kajian Abdul Halim (1992) mempamerkan elemen-elemen sosiologi seperti unsur



sosial dari sudut kepercayaan, agama, moral, perilaku, pemikiran dan pelbagai lagi dalam kajiannya yang menekankan penggunaan pendekatan sosiologi dalam menganalisis cerita rakyat bagi mengkaji persoalan tentang unsur budaya yang berhubung kait dengan kehidupan masyarakat Melayu dahulu sehingga ke hari ini. Pemilihan lima belas buah cerita untuk dianalisis yang diperolehi daripada informan sekaligus mengukuhkan kajiannya terhadap cerita rakyat dalam kaum Bajau Semporna, Sabah. Seterusnya, Fahmi Ismail, Jan Noor, Salmah dan Sharifudin (2015) melihat cerita rakyat daripada sudut pendidikan. Pengkaji membincangkan elemen nilai-nilai murni yang terkandung dalam cerita rakyat perlu ada dalam sistem pendidikan dan memberi impak positif kepada pelajar dalam membentuk pemikiran, sekaligus membentuk perilaku generasi masa kini dalam meneruskan kehidupan mereka malahan mampu mengangkat khazanah Melayu dalam sistem pendidikan.

## 5.0 Aplikasi Fungsionalisme

Teori fungsionalisme dalam antropologi telah dikembangkan oleh seorang tokoh yang dikenali sebagai Bronislaw Malinowski (1884-1942). Malinowski membentuk kerangka teori bagi menganalisis fungsi dalam kebudayaan manusia yang dikenali sebagai *a functional theory of culture*. Menurut teori fungsionalisme aktiviti kebudayaan manusia seperti kesenian dan kesusastraan mampu memberikan kepuasan kepada manusia. Hal ini demikian kerana, aktiviti ini merupakan keperluan manusia (*human need*).

Seterusnya, Malinowski menjelaskan bahawa fungsi masyarakat dalam kebudayaan mempunyai hierarki keperluan seperti keperluan utama masyarakat yang meliputi keperluan biologi iaitu sistem sosial dan sistem budaya. Walau bagaimanapun, Malinowski memfokuskan kepada aspek sosial iaitu menekankan hubungan pelbagai status dan kelompok dalam masyarakat. Kedua-dua aspek ini memfokuskan struktur, susunan, hubungan moral, nilai dan bahagian-bahagian dalam kebudayaan serta cara hidup manusia. Malinowski (Endraswara 2008) menjelaskan bahawa teori fungsionalisme budaya berfungsi sebagai keperluan manusia. Malinowski menganggap fungsi daripada unsur kebudayaan memenuhi keperluan naluri manusia seperti keperluan makan dan minum serta keperluan budaya itu sendiri.

Berdasarkan pendapat Malinowski, kajian ini membincangkan fungsi-fungsi cerita rakyat yang terkandung dalam konteks kebudayaan. Cerita rakyat mengandungi pengetahuan mendalam tentang kebudayaan. Malinowski menganggap cerita rakyat mampu mempengaruhi tingkah laku manusia itu sendiri. Hal ini demikian kerana, cerita rakyat merupakan alat hiburan, cerminan masyarakat, alat pendidikan dan perlambangan jati diri.

Kajian terhadap ritual dalam cerita rakyat ini telah menggunakan pendekatan fungsionalisme. Penyelidik melihat bagaimana ritual itu berfungsi dan diamalkan oleh masyarakat yang terkandung dalam cerita rakyat di Mukim Bebar Pekan, Pahang. Oleh itu, bagi menjelaskan salah tanggapan masyarakat terhadap cerita rakyat yang merupakan hiburan semata-mata Ezzah' Afifah Nasrudin (2015) kajian cerita rakyat yang telah dikenal pasti ini mengandungi unsur ritual yang menerangkan cara hidup masyarakat sebelum wujudnya teknologi moden. Justeru itu, teori fungsionalisme Malinowski mengukuhkan lagi perbincangan kajian dalam melihat fungsi sosial masyarakat itu sebelum menerima kemodenan. Menurut Malinowski lagi sesbuah



masyarakat mempunyai hubung kait yang rapat dengan kebudayaan. Oleh itu, keteraturan dalam sesebuah masyarakat dibina melalui adat resam, upacara dan ritual, sistem pendidikan, perkahwinan, adat kematian dan sebagainya dalam norma-norma dan perilaku sosial dalam kebudayaan sesebuah masyarakat itu.

## 6.0     **Analisis dan Dapatan Kajian**

Kawasan kajian ini tertumpu di kampung-kampung di bawah mukim Bebar, khususnya di daerah Pekan, Pahang yang majoriti masyarakatnya menetap di kawasan tepi pantai dan meneruskan kehidupan dengan sumber rezeki sebagai nelayan laut. Oleh itu, dengan faktor muka buminya yang berhampiran dengan laut maka kawasan yang dipilih mempunyai hubung kait dengan amalan dan kepercayaan nenek moyang terdahulu. Hal ini disebabkan, laut atau muara sungai sudah menjadi kebiasaan atau sinonim dalam kehidupan masyarakat dahulu yang menetap di pinggir pantai. Faktor kedudukan kampung tersebut yang menjadi tumpuan pedagang dan orang luar yang singgah berlabuh di pesisir pantai menyebabkan orang-orang tua dahulu sentiasa mengawal ketat kawasan tempat tinggal mereka agar sentiasa dilindungi dan terhindar daripada malapetaka. Beberapa amalan ritual dan kepercayaan dipraktikkan dalam kehidupan sehari-hari mereka bagi melindungi kampung-kampung di daerah Pekan, Pahang. Justeru itu, beberapa ritual yang diamalkan yang masih menjadi kepercayaan telah diwariskan secara turun temurun kepada generasi baharu sehingga kini.

Ritual dikenali sebagai upacara yang menjadi kepercayaan masyarakat Melayu sehingga sekarang. Hal ini demikian kerana, sosial budaya masyarakat Melayu tidak boleh lari daripada ritual dan kepercayaan kerana berdasarkan norma-norma yang dianut bersama dan dianggap sah serta mampu mengikat perilaku individu itu sendiri. Kajian ini mendapati wujudnya ritual atau upacara yang diperturunkan daripada nenek moyang kepada generasi sekarang dan masih diamalkan oleh masyarakat Melayu. Menurut Prayoga, Suwigyo dan Titik (2017) perlakuan cara yang dirancang dan ketertiban sesuatu upacara merujuk kepada istilah ritual kerana ritual dilihat dari sudut ‘cara’ dan ‘matlamat’ kepada setiap perlakuan yang dilaksanakan. Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi terdapat empat buah ritual dalam cerita rakyat di Mukim Bebar, Pekan Pahang iaitu ritual mandi Safar, ritual nyimoh pantai dan ritual manusia berkembar mengkarung ekor bercabang dua.

### 6.1     **Ritual Mandi Safar di Kampung Merchong**

Mandi Safar di Kampung Merchong bertujuan untuk menyambut ketibaan bulan Islam yang disambut oleh masyarakat Islam pada setiap tahun dan dilaksanakan oleh ketua pemimpin dalam sesebuah kawasan kampung dan daerah (Prayoga et al. 2017). Terdapat beberapa upacara yang dilaksanakan oleh masyarakat menjelang bulan-bulan Islam seperti bulan Muhamarram, Safar, Ramadhan dan sebagainya. Oleh itu, sesebuah masyarakat akan menyambut bulan-bulan tersebut mengikut tradisi masing-masing dan keberagamaan sambutan tersebut dilaksanakan mengikut kreativiti masyarakat itu. Seterusnya, masyarakat di Desa Tanjung Punak, Utara juga melaksanakan upacara mandi Safar bertujuan untuk menolak bala dan mala petaka dalam sesebuah kampung. Mandi Safar merupakan amalan yang diyakini dan menjadi kepercayaan dari turun temurun masyarakat di situ (Al Asbihani 2017). Hal ini



jelas dalam petikan cerita rakyat yang bertajuk Mandi Safar di Kampung Merchong seperti berikut:

#### **Petikan 1**

“Pertama dia buat yelah guane persiapan tu dia buat lebih awallah bermakna lima dan enam haribulan Safar tu dia dah buat persiapan dah, seminggu sebelum dia buat persiapan. Sepuluh haribulan Safar pertama aaa yang kedua pulok Safar rabiul Safar akhir dia tak kira lah tu berapa haribulan jatuh pada hari rabu, dia walau macam manapun dia akan ambik pada hari rabu. Sebelum dia buat persiapan, kira kelapa semua itu ini pulut labu yang banyaknya, labu dia buat buat pengat bukan sayur, labu hanya buat pengat, kalau ada jagung dia buat pengat jagung pada hari kedua itu.”

(Zahari Abdul Razak, 2019)

“Orang tua dululah orang sekarang takdop sape. Lepas tu air sembahyang hajat tu dia bubuh azimat ini. Dan dia buat sembahyang hajat itu ini upacara menyanyi pulak tu selepas solat hajat begitu begini berlawan pantun makan semua siap baik. Aah air dalam tong tu dia hantar ke sungai dulu. Sungai dia rentang dengan tali ke seberang ni ke seberang nuh tapi air sekelinglah dia curah air sembahyang hajat.”

(Zahari Abdul Razak, 2019)

#### **6.2 Ritual Nyimoh Pantai**

Nyimoh pantai merupakan ritual memuja pantai yang diamalkan masyarakat kampung bagi melindungi penduduk daripada bencana ketika nelayan menangkap hasil laut. Menurut Chong, Andrew dan Dedy (2016) upacara memuja pantai dilaksanakan bertujuan untuk memohon perlindungan ketika menjalankan aktiviti menangkap ikan dan juga menghindari daripada wabak penyakit. Hal ini jelas dalam petikan berikut:

#### **Petikan 2**

“Puja pantai selalunya tiga malam berturut-turut persiapan awal dia buat bangsal. Dulu takdop kembes diaorang guna atap nipah. Orang kampung bergotong royong menyiapkan bangsal. Masa upacara memuja pantai ada tok bomoh segala tok bomoh, bomoh lima enam orang bomoh. Hak Kajang, hak Badung, Sengei, Kampung Merchong.”

(Zahari Abdul Razak, 2019)

“Selama pemujaan tiga hari tiga malam tak boleh melayu pokok, menebas dan menebang pokok. Pantang larang dalam masa tiga hari memuja pantai. Larangan dilanggar akan ada rumoh hak pengsan dia pecah pantang la.”

(Zahari Abdul Razak, 2019)



Berdasarkan petikan 2, tukang cerita menerangkan dengan lebih jelas upacara ritual memuja pantai dilaksanakan oleh penduduk kampung di Mukim Bebar Pekan, Pahang. Upacara memuja pantai berlangsung tiga hari dan sebagai permulaannya, penduduk kampung bergotong-royong untuk menyiapkan bangsal besar. Penduduk kampung menjahit atap nipah serta memasang atap di bangsal besar tersebut. Seterusnya, upacara dimulakan dengan kehadiran beberapa orang tok bomoh di kampung-kampung seperti bomoh Kampung Kajang, Kampung Sengei, Kampung Bebar dan Kampung Merchong. Seterusnya, tukang cerita juga menjelaskan bahawa selama upacara tersebut berlangsung tiga hari berturut-turut masyarakat kampung tidak boleh melanggar pantang dengan menebas dan memotong pokok. Sekiranya seseorang melanggar pantang, individu tersebut akan pengsan dan perlu diubati oleh bomoh-bomoh daripada kampung tersebut sahaja.

Hal ini jelas membuktikan bahawa tujuan memuja pantai adalah untuk melindungi orang-orang kampung daripada kemalangan ketika pergi ke laut. Perjanjian antara bomoh-bomoh ketika upacara ritual memuja pantai dilaksanakan adalah untuk memohon perlindungan daripada kuasa ghaib bagi melindungi orang kampung. Justeru itu, ritual memuja pantai ini bertujuan supaya kuasa ghaib dapat melindungi mereka dan tidak menganggu kehidupan orang kampung pada tahun itu (Anwar 2008). Hal ini jelas menunjukkan bahawa masyarakat Melayu mempercayai kewujudan alam ghaib untuk melindungi mereka daripada bencana dan kemalangan nyawa, maka, upacara ritual pada tahun tersebut perlu dilaksanakan.

### 6.3 Ritual Manusia Berkembar Mengkarung Ekor Bercabang Dua

Ritual perbomohan Melayu yang seringkali berlebar dalam masyarakat adalah secara ringkas dengan permulaan upacara bacaan jampi atau mantera dalam perubatan tradisional. Beberapa bahan untuk melaksanakan upacara perubatan telah digunakan seperti kemenyan, bunga melur, pulut kuning, telur dan sebagainya lagi (Azlina 2018). Ritual pembomohan ini merupakan perubatan tradisional yang dipercayai telah mempengaruhi masyarakat dahulu sebelum kemunculan perubatan moden (Shuhairimi 2006). Ritual perbomohan dapat dilihat menerusi cerita rakyat yang bertajuk *Manusia Berkembar Ekor Bercabang Dua*. Hal ini jelas dapat dilihat seperti dalam petikan tiga berikut:

#### Petikan 3

“Derus membaca jampi dan menyedia barang untuk berkunci membuang kembar Nur macam sebatang paku, garam, segenggam beras kuning bagi upacara membuang mengkarung Nur.”

(Zahari Abdul Razak, 2019)

Berdasarkan petikan 3, tukang cerita menjelaskan bahawa ritual membuang haiwan yang berkembar dengan manusia boleh dilakukan dengan menggunakan beberapa barang untuk berkunci seperti sebatang paku, garam dan segenggam beras kuning serta sedikit mantera yang akan dibacakan



ketika ritual pembuangan haiwan yang berkembar dengan manusia. Upacara ritual ini hanya dilakukan oleh seorang bomoh sahaja bagi mengubati pesakit dan tidak memerlukan upacara besar-besaran seperti upacara *main teri* atau *tarian ulik mayang*. Hal ini demikian kerana, masyarakat Melayu dahulu percaya perubatan tradisional Melayu seperti ini memerlukan hanya bomoh dan makhluk halus itu sahaja yang berkomunikasi untuk melakukan perjanjian. Justeru itu, kepercayaan terhadap ritual seperti ini sangat dipercayai masyarakat dahulu kerana mampu mengubati pesakit dengan jampi dan barang yang diperlukan untuk perubatan tersebut.

Hal ini jelas membuktikan bahawa masyarakat dahulu mempercayai perubatan tradisional mampu mengubati pesakit. Masyarakat berpegang teguh kepada kepercayaan terhadap alam ghaib atau kuasa alam semulajadi untuk melindungi mereka daripada sebarang wabak penyakit. Justeru itu, mentaliti masyarakat dahulu dapat dilihat menerusi budaya masyarakat itu sendiri. Ini bersesuaian dengan pendapat Malinowski bahawa pemikiran masyarakat itu sendiri terjalin melalui keteraturan dan kesepakatan bersama apabila seorang pemimpin membina satu undang-undang yang dipersetujui bersama. Masyarakat akan berpegang teguh kepada aturan dan kepercayaan dan kemudian diwariskan kepada generasi berikutnya dan diamalkan sehingga sekarang. Perkara ini selaras dengan pendapat Malinowski yang menggambarkan sikap masyarakat tempatan yang mengikuti keteraturan bersama bagi mengekalkan struktur sosial dan diterima bersama bagi membina ketamadunan serta membina pemikiran agar mampu meneruskan kehidupan.

## 7.0 Kesimpulan

Kajian ini menjelaskan unsur ritual dan kepercayaan yang mampu mempengaruhi budaya sesebuah masyarakat yang terdapat dalam cerita rakyat di Mukim Bebar Pekan, Pahang. Terdapat unsur ritual yang terbina daripada pemikiran nenek moyang terdahulu untuk mewujudkan aturan kepada masyarakat agar mematuhi undang-undang yang dilaksanakan untuk kesejahteraan bersama. Cerita-cerita rakyat yang dikumpul telah dianalisis dengan memfokuskan kepada beberapa unsur ritual yang diamalkan masyarakat dahulu yang bertujuan untuk melindungi mereka daripada mala petaka dan kemalangan jiwa. Sehubungan dengan itu, upacara ritual merujuk kepada sesuatu majlis yang disertai dengan atur cara seperti wujudnya pembukaan dan penutup yang menjadi satu fenomena sosio budaya yang berhubung kait antara satu sama lain. Sehubungan dengan itu, kehadiran Islam telah mengubah beberapa konsep ritual yang melanggar hukum Islam dan dilaksanakan mengikut kesesuaian budaya sesebuah masyarakat itu. Perlaksanaan ritual yang dijalankan mendedahkan pemikiran dan corak kepercayaan sesebuah masyarakat. Cerita-cerita rakyat yang diperolehi mempunyai pengaruh Hindu Buddha dan menjadi amalan masyarakat terdahulu untuk dijadikan kepercayaan mereka sebelum kedatangan Islam.

Kajian ini telah menggunakan pendekatan fungsionalisme sebagai tunjang utama bagi melihat peranan cerita rakyat yang mampu mentafsir cara pemikiran dan corak kepercayaan sesebuah masyarakat dalam ketamadunan mereka. Justeru itu, cerita-cerita rakyat yang diperolehi boleh dijadikan bukti bahawa ritual yang terkandung dalam kehidupan masyarakat masih wujud dan diamalkan sehingga sekarang



mengikut kesesuaian sesebuah masyarakat itu.

## Rujukan

- Al Asbihani. (2017). *Eksistensi Tradisi Mandi Safar Di Desa Tanjung Punak Kecamatan Rupat Utara Kabupaten Bengkalis*. 4, 3.
- Anwar, D. (2008). *Asas Kebudayaan Dan Kesenian Melayu* (kedua; Anwar Din, Ed.). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azlina, M. (2018). Kaedah Rawatan Membagih Di Kampung Pasir Mas, Kelantan. *Jurnal Melayu*, 17(2), 210–224.
- Azura, A. (2000). *Sastera Kanak-Kanak: Meninjau Aspek Budaya Melayu Dalam Cerita Rakyat Binatang dan Kesan Kepada Kanak-Kanak*. Universiti Putra Malaysia.
- Chong, S., Andrew, M. C., & Dedy, A. A. (2016). *Tradisi Pemujaan Laut Suku Persisir Pantai Sarawak*.
- Ezzah' Afifah Nasrudin, C. I. S. (2015). Pemikiran melayu dalam cerita lipur lara. *Journal of Business and Social Development*, 3(2), 63–79.
- Fahmi Ismail, M., Jan Noor, M., Salmah, Y., & Sharifudin, M. (2015). Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 03, 91–100. Retrieved from <http://ijleal.ump.edu.my/>
- Hadijah, R. (2006). *Peranan dan Perkembangan Sastera Kanak-Kanak* (Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Luthfi, A. R. (2011). *Mek Mulong: Antara Persembahan dan Ritual Perubatan di Malaysia*. (Ritual Berubat Dalam Mek Mulong), 102.
- Muhammad Safuan, I., Roslina, A. B., & Nik Rafidah, N. M. E. (2018). *Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak Dan Perwatakan Positif*. 1(1), 296–329.
- Prayoga, R. W., Suwigyo, H., & Titik, H. (2017). *Nilai-Nilai Kearifan Lokal Pada Cerita Rakyat Nusantara*.
- Shuhairimi, A. (2006). Institusi Bomoh Dalam Masyarakat Melayu Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Pembangunan*.
- Siti Nor Balkish, A. (2000). *Cerita Dongeng Kanak-Kanak: Meninjau Aspek Budaya Melayu*.
- Siti Zuhaidah, Z., & Nik Rafidah, N. M. A. (2016). Konflik dalam cerita rakyat dan kesannya. *Jurnal Bahasa Dan Sastera Melayu (PENDETA)*, 185–205.
- Zainal, K. (1996). *Adat Dalam Istiadat Melayu Melaka* (Kedua; I. kajian S. dan P. Malaysia, Ed.). Kuala Lumpur.



Zuber, I. (2017). *Cerita Lipur Lara Terpilih Berdasarkan Pendekatan Pengurusan*.

### **Temu Bual**

Zahari Abdul Razak, 69 tahun. Temubual. Penduduk Kampung di Daerah Mukim Bebar. Kampung Merchong Bebar, Pekan Pahang.

